



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 11 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	NELAYAN KELIRU CARUMAN PERKESO, NEGARA, KOSMO -14 MALAYSIA SPENDS NEARLY 15 MILLION USD TO SUPPORT PANDEMIC-HIT FARMERS, VIETNAM PLUS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	TANAM KULAT SISIR TAMPUNG HIDUP, DALAM NEGERI, UM -30 REZEKI 3 BERADIK YATIM PIATU, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	NELAYAN TAMAK TERIMA PADAH, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	PEMANDU LORI PINDAH 20 BIRI-BIRI DIDENDA RM6,000, SINAR HARIAN KELANTAN, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	MALAYSIA ARAH NEGARA PENGEKSORT MAKANAN, NEGERI, HAKAKAH -N13	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	NELAYAN KUALA SANGLANG RUGI, NEGARA, KOSMO -4 BERTANI ATAS BUMBUNG, FORUM, UM -18 PENGGOMPOSAN SISA MAKANAN GALAK PERTANIAN MAMPAN, KOMENTAR, BH -11 IKAN SEGAR RM1 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -30 GADIS 15 TAHUN PENGGEMBALA LEMBU, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -27 TIGA SAHABAT BUKTIKAN PROJEK TANAMAN BUAH TIN LUMAYAN, GAYA TANI, UM 24 & 25 LADANG BUAH TIN PRODUK PELANCONGAN TANI, GAYA TANI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Mahu kerajaan beri penjelasan terperinci untuk kebaikan semua

Nelayan keliru caruman Perkeso

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Sekumpulan 2,000 nelayan di Bachok dan Pasir Puteh di sini meminta agar kerajaan memberikan penerangan lanjut mengenai caruman dalam skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang akan dilaksanakan mulai Sabtu ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak berkata, pihaknya memerlukan penjelasan terperinci termasuk cara bayaran caruman tersebut.

"Kita mahu tahu adakah caruman RM157.70 setahun itu perlu dibayar sekali gus atau ansuran.

"Jika sekali gus, ia amat membebankan nelayan kerana faktor kemiskinan dan bekerja sendiri. Nelayan pantai dan tradisional hanya kais pagi makan pagi serta bergantung sepenuhnya terhadap rezeki harian dan keadaan laut," katanya ketika ditemui Kosmo semalam.

Beliau mengulas mengenai



SEBAHAGIAN nelayan PNK Bachok bergambar kenangan ketika hadir pada majlis penyerahan pulut dari MCO di Bachok baru-baru ini.

pengumuman Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Khandeeng mengenai seramai 42,000 nelayan buat julung kalinya dibenarkan men-

carum dengan Perkeso bermula Sabtu ini.

Caruman di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) itu bagi menggan-

tikan caruman insurans nelayan kelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Menurut Saripudin, mereka juga ingin tahu sama ada nelayan

berhak mendapat skim perlindungan pencen hilang upaya dan kemudahan lain seperti yang ditawarkan kepada badan bukan kerajaan lain.

"Jika ada, kami amat berterima kasih kepada kerajaan kerana setiap detik kami berdepan dengan risiko tinggi ketika mencari rezeki di laut," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PNK Semerak, Zahari Samat berkata, tiada sebab pihaknya menolak jika skim itu dapat memberi insentif dan pembelaan kebajikan kepada nelayan.

Menurutnya, seramai 730 ahlinya yang terbabit dalam pelbagai sektor berassaskan perikanan seperti pengusaha kilang keprik selain menangkap ikan di pesisir pantai.

"Mereka juga sentiasa terdedah dengan kemalangan di tempat kerja.

"Bagaimanapun, Perkeso perlu menjelaskan secara terperinci mengenai skim berkenaan yang boleh memberi kefahaman kepada nelayan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/8/2020	VIETNAM PLUS	ONLINE	

Malaysia spends nearly 15 million USD to support pandemic-hit farmers

Malaysia has allocated 62 million RM (14.6 million USD) to farmers' organisations through the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) to help its members affected by the COVID-19 pandemic.

Kuala Lumpur (VNA) – Malaysia has allocated 62 million RM (14.6 million USD) to farmers' organisations through the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) to help its members affected by the [COVID-19](#) pandemic.

[Malaysian](#) Minister of Agriculture and Food Industry Ronald Kiandee said that of the total, 50 million RM was given to short-term agrofood programmes (start producing in three to six months) with each farmers' organisation receiving between 100,000-200,000 RM.

Ronald said that another 10 million RM was allocated for infrastructure facilities for food storage and distribution purposes as well as crop integration programmes to ensure the [food supply value chain](#) is streamlined more efficiently.

Another 2 million RM is also allocated to increase the use of agricultural machinery including tractors and harvester, the minister said.

He affirmed that all departments and agencies under the ministry including the Agriculture Department, Fisheries Department, Veterinary Services Department, Farmers' Organisation Board (LPP), Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) and Agrobank have been instructed to implement these programmes and initiatives as soon as possible to ensure that the target groups receive the benefits and the government's goals are achieved./.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Tanam kulat sisir tampung hidup

Okh AIMUNI TUAN LAH
 utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Suatu masa dahulu, kulat sisir atau juga dikenali sebagai cendawan kukur, biasanya dapat dimikmati hanya selepas hujan. Ia akan tumbuh meliar pada batang pokok getah tumbang atau pokok mati.

Namun kini, tumbuhan ini sudah mula ditanam secara komersial di pekarangan rumah dan didapati sepanjang tahun.

Antara yang mengusahakannya adalah tiga beradik yatim piatu di rumah bantuan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di Kampung Tanah Putih di sini.

Mohamad Syahadam Abdul Talib Mohd. Kasim, 20, bertanggungjawab menjaga dua adik perempuan, Siti Noraini, 15, dan Siti Norasni, 10, selepas kematian ibu bapa mereka.

Bapa mereka, Ahmad Yaacob, 48, meninggal dunia Jun tahun lalu kerana sakit jantung manakala ibu, Rubiah Zakaria,



MOHAMAD SYHADAM ABDUL TALIB MOHD. KASIM MENYIRAM TANAMAN KULAT SISIR DI BELAKANG RUMAHNYA DI KAMPUNG TANAH PUTIH, GUA MUSANG, KELANTAN.

38, pada September 2018 kerana menderita kencing manis.

Mohamad Syahadam berkata, idea mengusahakan kulat sisir muncul ketika bermulanya

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) empat bulan lalu.

Katanya, kulat sisir diusahakan dalam 1,300 bongkah yang digantung di belakang rumahnya.

"Saya mengusahakan kulat sisir selepas mengikuti kursus tana-

man itu dan percubaan pertama memberi pulangan lumayan.

"Selepas dua minggu, boleh

kutip hasil antara 10 hingga 20 kilogram dan kulat sisir basah dijual RM80 sekilogram," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertanian Gua Musang, Azim Ibrahim berkata, tanaman kulat sisir mempunyai potensi besar kerana hidup sepanjang musim.

Katanya, harga kulat sisir basah dan kering juga mencecah RM80 sehingga RM100 sekilogram ketika ini.

"Saya nampak tanaman kulat sisir ini mampu memberi pulangan kepada anak muda dan ibu tunggal yang hanya boleh diusahakan di pekarangan rumah.

"Saya harap kejayaan Mohd. Syahadam dapat dijadikan contoh terbaik kepada individu yang berminat untuk menambah pendapatan," katanya.

Kulat sisir mempunyai khasiat dan perubatan yang tinggi sebagai ubat antibarah serta mengandungi sebatian antioksidan yang kuat bagi menyingkir toksik dalam badan.

Tanam kulat sisir demi kelangsungan hidup selepas pemergian ibu bapa

Rezeki 3 beradik yatim piatu

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seorang pemuda mengusahakan sebanyak 1,300 bongkah tanaman kulat sisir bagi menampung ketidupan sebagai anak yatim piatu bersama dua adik perempuannya di pekarangan rumah mereka di Kampung Tanah Putih di sini.

Mohamad Syahadam Abdul Talib Mohd. Kasim, 20, bertanggungjawab menjaga dua adik perempuannya iaitu Siti Norani, 15, dan Siti Norasni, 10, selepas kematian ibu bapa mereka.

Katanya, idea mengusahakan kulat sisir di pekarangan rumahinya tercetus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac lalu.

"Tanaman itu saya gantung di palang besi atap rumah. Saya mengusahakan kulat sisir selepas mengikuti kursus tanaman tersebut dan percubaan pertama memberi pulangan yang lumayan.

"Selepas dua minggu, saya mampu mengutip hasil antara 10 hingga 20 kilogram kulat sisir," katanya ketika ditemui Kosmo/kelmarin.

Mohamad Syahadam bersyukur apabila mereka tiga beradik sudah dapat berdikari selepas pemergian ibu bapa mereka.

Bapa mereka, Ahmad Yaacob, 48, meninggal dunia beradik itu pada Jun tahun lalu akibat sakit jantung, manakala ibunya, Rubiah Zakaria, 38, meninggal dunia September 2018 selepas



MOHAMAD SYHADAM menyiram tanaman kulat sisir di belakang rumahnya di Kampung Tanah Putih, Gua Musang kelmarin.

derita kencing manis. Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertanian Gua Musang, Azrim Ibrahim berkata, tanaman kulat sisir mempunyai potensi besar kerana mampu hidup sepanjang musim.

Katanya, harga kulat sisir basah dan kering boleh mencecah RM80 sehingga RM100 sekilogram ketika ini.

"Tanaman kulat sisir ini berpotensi besar memberi pulangan kepada anak muda dan ibu tunggal yang hanya boleh diusahakan di pekarangan rumah.

"Saya harap kejayaan Syahadam dapat dijadikan satu contoh terbaik kepada individu yang berminat untuk menambah pendapatan," katanya. Ujarnya, kulat sisir mempunyai

nyai khasiat nutrisi dan perubatan yang tinggi sebagai ubat antibarah selain mengandungi sebatian antioksidan yang kuat bagi menyinkir toksik dalam badan.

Kebiasaannya kulat sisir hanya boleh dikutip selepas hujan apabila tumbuh meliar pada batang pokok getah tumbang atau pokok mati.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/8/2020	KOSMO	NEGARA	14



INILAH bot yang dirampas daripada empat nelayan di muara Tanjung Karang, Klang kelmarin.

Nelayan tamak terima padah

KLANG – Sikap tamak sekumpulan empat nelayan termasuk seorang tekong tempatan menceroboh dan menunda ikan di kawasan larangan mengundang padah apabila kesemuanya ditahan di sini kelmarin.

Nelayan berusia 23 hingga 49 tahun tersebut diberkas dalam Ops Benteng pada pukul 2 petang di kedudukan 21 Kilometer Barat Daya muara Tanjung Karang di sini itu, dilakukan selepas intipan mendapati nelayan tersebut menunda ikan selama setengah jam di kawasan tersebut.

Pengarah Maritim Negeri

Selangor, Kepten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, tangkapan itu turut membongkar kegiatan menggaji tiga pendatang asing tanpa izin warga Myanmar di bot tersebut.

“Siasatan mendapati bot kelas C telah melanggar syarat lesen dengan menangkap ikan di kawasan perairan tidak dibenarkan pihak berkuasa.

“Selain tangkapan, kita turut merampas hasil laut hampir 50 kilogram daripada bot tersebut,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	27

Pemandu lori pindah 20 biri-biri didenda RM6,000

KOTA BHARU - Tindakan seorang pemandu lori memindahkan 20 ekor biri-biri secara haram mengundang padah apabila didenda RM6,000 oleh Mahkamah Majistret Pasir Mas semalam.

Majistret Muhammad Yusuf Abdullah mengenakan denda itu selepas tertuduh, Muhamad Faiz Zolkeplai, 32, dari Alor Pasir, Pasir Mas mengaku salah atas pertuduhan tersebut.

Beliau turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara selama tujuh bulan jika gagal menjelaskan denda manakala wang hasil jualan ternakan berjumlah RM3,250 dilucut hak dan diserahkan kepada hasil kerajaan.

Mengikut pertuduhan, Muhamad Faiz didakwa memindahkan biri-biri berkenaan menggunakan lori jenis Isuzu tanpa kebenaran bertulis atau Sijil Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Kelantan atau mana-mana



Wang hasil jualan ternakan berjumlah RM3,250 membabitkan kes ini dilucut hak dan diserahkan kepada hasil kerajaan manakala lori dikembalikan sementara kepada pemiliknya.

pihak berkuasa.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Jalan Kampung Rahmat, Panglima Bayu-Rantau Panjang, Pasir Mas pada jam 3 petang, 30 April lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Perenggan (a) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Ne-

geri Kelantan yang diwartakan mengikut Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 serta didenda mengikut Subseksyen 36(7) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan, Mohd Sharif Sabran manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Malaysia ke arah negara pengeksporth makanan



Dr Nik Zawawi Salleh pada program Selamat Pagi Malaysia di RTM1.

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Malaysia dijangka muncul sebagai sebuah negara pengeksporth produk pertanian di peringkat antarabangsa.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, melalui langkah itu negara dapat mengurangkan import bahan makanan dari negara luar.

Katanya, kerajaan sedang berusaha ke arah muncul sebagai sebuah negara pengeluar makanan.

"Dasar kerajaan jelas menuju ke arah itu. Oleh itu tumpuan sekarang menyediakan pelbagai inisiatif bagi

menggalakkan rakyat terbabit dalam sektor pertanian.

"Banyak insentif yang ditawarkan kerajaan untuk mendapat status negara pengeksporth makanan," katanya ketika diundang sebagai tetamu Rancangan Selamat Pagi Malaysia disiarkan secara langsung melalui RTM1 baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Azulita Salim.

Pada Khamis lepas kerajaan menganjurkan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Menara Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur.

Sambutan itu sebagai medan bagi mengingati jasa

golongan petani, peladang dan nelayan yang berusaha keras membekalkan sumber makanan kepada negara.

Dr Nik Zawawi yang juga ahli parlimen Pasir Puteh berkata, sektor pertanian terus bergerak ke hadapan biarpun ketika negara masih berhadapan dengan wabak Covid-19.

"Sempena sambutan itu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada golongan peladang, petani, penternak dan nelayan yang bertungkus lumus menghasilkan makanan kepada rakyat.

"Meraka telah menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sangat besar kepada negara untuk memastikan bekalan makanan mencukupi," katanya.



Pameran sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Menara LPP Kuala Lumpur.

Bilangan pelanggan susut ekoran penularan kes Covid-19

Nelayan Kuala Sanglang rugi

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

JJTRA – Penularan kes Covid-19 bagi Khuster Sivaganaga di Kuala Sanglang, Perlis turut memberi tempilas kepada nelayan di negeri ini yang kehilangan hampir 80 peratus pelanggan sejak kes pertama dilaporkan pada 28 Julai lalu.

Nelayan-nelayan di kawasan Kuala Sanglang negeri ini dian sebablah Perlis merungut apabila hasil tangkapan tidak terjual sehingga ada yang busuk setelah orang ramai takut untuk memasuki kawasan tersebut.

Seorang nelayan, Omar Teh, 58, berkata, hanya 20 peratus sahaja pelanggan terdiri daripada penduduk sekitar yang datang untuk membeli ikan dengannya.

Katanya, harga ikan tememung yang dijual juga jatuh daripada RM6 hingga RM8 sekilo sebelum ini kepada RM3 kerana pelanggan yang kurang.

"Selalunya memang ramai orang luar yang datang beli sehingga ada pelanggan yang datang dari Changlun tetapi kerana kes Covid-19 di sempadan Perlis, orang ramai sudah takut nak masuk ke sini.

"Sebelah Perlis yang terkena (penularan Covid-19), sampai menjejaskan kami nelayan-nelayan di sebelah Kedah kerana orang ingat tempat kami turut sama terkena pandemik itu," katanya di ketika ditemui di Jeli Kuala Sanglang, dekat sini semalam.

Pada Sabtu lalu, kerajaan negeri Perlis mengumumkan pelak-



NELAYAN, Omar menjualkan ikan yang telah busuk disebabkan kekurangan pelanggan yang datang membeli di Jeli Kuala Sanglang, Kedah semalam.

sanaan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul di Sanglang, Perlis sehingga 4 September ini.

Pelaksanaan PKPD TRMGO itu dibuat selepas mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan dengan mengambil kira bilangan kes aktif Covid-19 di kawasan

berkenaan.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Yaakob Bahri, 70, berkata, pendapatannya terjejas kerana tidak dapat keluar ke laut selama tempoh 28 hari tersebut.

Menurutnya, ramai penduduk dari Kampung Kuala Sanglang, Perlis yang bekerja sebagai nelayan tidak dapat turun ke laut selain terpaksa berjimat cermat kerana tempoh untuk berada

dalam PKPD masih panjang.

"Nelayan dari Kedah pun turut menerima kesan sama walaupun tidak dikenakan PKPD, ikan mereka tidak terjual kerana orang ramai tidak mahu datang ke sini.

"Keadaan itu menyebabkan berlaku lambakan ikan dan ada yang sedekah sahaja kepada orang atau dibuat ikan kering," jelasnya.

Bertani atas bumbung

SAUDARA PENGARANG,

KETIKA dunia dibelenggu wabak Covid-19, kita juga sebenarnya berdepan masalah gangguan rantaian bekalan makanan yang membimbangkan. Mungkin ada yang akan kelaparan sekiranya tiada usaha mapan dalam kegiatan normal baharu pasca pandemik Covid-19.

Justeru, usaha pertanian mapan perlu diperkasakan. Ia juga bersesuaian dengan Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) yang meletakkan kelaparan sifar sebagai salah satu matlamat utama.

Matlamat kelaparan sifar dihuraiakan sebagai menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mapan.

Pertanian mapan ditakrifkan sebagai satu sistem bersepadu amalan pengeluaran tumbuhan dan haiwan ternakan yang mempunyai aplikasi khusus untuk jangka panjang. Objektifnya:

- Memenuhi keperluan makanan dan serat manusia.
- Meningkatkan kualiti alam sekitar dan asas sumber semula jadi yang mana ekonomi pertanian bergantung.
- Menggunakan sumber yang tidak boleh diperbaharui dan sumber pertanian paling efisien dan mengintegrasikan kitaran serta kawalan biologi semula jadi.
- Mengekalkan daya maju ekonomi operasi ladang.
- Meningkatkan kualiti kehidupan petani dan masyarakat keseluruhannya.

Pertanian mapan boleh dilihat sebagai langkah baharu untuk mempercepatkan pengeluaran makanan tempatan akibat Covid-19. Antaranya menjadikan bumbung tempat letak kenderaan di kawasan perumahan awam sebagai kebun bandar.

Pun begitu, pertanian mapan perlu dijiwai oleh segenap lapisan masyarakat agar tidak sekadar hangat-hangat tahu ayam. Keberkesanan pertanian mapan harus ke depan agar tidak berlaku masalah pembelian dengan rantaian bekalan makanan terhad.

Pertanian mapan perlu dijadikan agenda dalam pembangunan ekonomi pasca pandemik Covid-19.

OSWALD TIMOTHY EDWARD
Pensyarah Kanan UITM Johor



BUMBUNG tempat letak kenderaan di kawasan perumahan awam boleh dijadikan kebun bandar.
- GAMBAR HIASAN

11/8/2020

KOMENTAR

11

BERITA
HARIAN

Pengkomposan sisa makanan galak pertanian mampan

Malaysia tidak akan menjadi 'tong sampah dunia' - begitulah ungkapan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat pada 5 Ogos lalu.

Beliau turut menegaskan kementeriannya akan mengambil tindakan tegas gas jika ada mana-mana pihak cuba membawa masuk kontena mengandungi sisa toksik dan bahan plastik ke negara ini.

Ini terbukti apabila 13 kontena yang mengandungi sisa toksik dan 42 kontena bahan plastik berjaya dikesan serta dihantar pulang ke negara asal sejak kementerian berkenaan diterajui beliau.

Selaras Konvensyen Basel, usaha serta tindakan tegas kementerian seperti ini amat dialu-alukan. Namun, masyarakat Malaysia masih memandang ringan peranan masing-masing dalam menguruskan sampah atau sisa pejal domestik.

Dipercayai hampir keseluruhan rakyat di negara ini mengetahui kepentingan kitar semula sisa pepejal, namun peraturan mengamalkan budaya itu masih rendah.

Ini termasuk kesedaran mengasingkan bahan sisa makanan atau organik dengan sisa pepejal kering yang juga masih pada tahap rendah.

Berdasarkan kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), hampir separuh (44 hingga 47 peratus) adalah lambakan sisa makanan isi rumah, memenuhi tahap pelupusan sampah gagal diuraikan dalam tempoh tertentu.

Ironinya, ramai menyangka membuang sisa makanan atau organik ke pusat pelupusan sampah akan terurai sama seperti proses pengkomposan. Pendapat ini salah.

Gas beracun (seperti metana) dan gas rumah hijau akan terhasil apabila sisa makanan atau organik bercampur sisa pejal, terutama plastik di pusat pelupusan sampah.

Perlu ditekankan proses pengkomposan sebenarnya akan berlaku dengan pengurusan terancang.

Pengurusan pengkomposan terancang adalah cara penguraian biologi seperti kaedah aerob yang dapat dilakukan ke atas sisa makanan atau organik.

Melalui proses ini, bahan sisa bersifat organik seperti tumbuh-tumbuhan, sisa makanan dan keluaran kertas dapat dikitar semula menggunakan proses pengkomposan dan pencernaan biologi untuk menguraikan jirim organik.

Tujuan pemprosesan biologi dalam pengurusan sisa pada dasarnya untuk mengawal dari mempercepatkan proses semula jadi penguraian jirim organik. Bahan organik dihasilkan kemudian dikitar semula menjadi kompos bagi tujuan pertanian organik atau pelandskap.

Pengurusan pengkomposan terancang bagi sisa atau sampah makanan melalui proses pengkomposan ini menjurus kepada pertanian mampan. Ini bersesuaian dengan matlamat pembangunan lestari yang meletakkan 'kelaparan sifar' sebagai salah satu matlamat utama.

Matlamat 'kelaparan sifar' dihurai-kan sebagai menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan.

Pertanian mampan ditakrifkan sebagai sistem bersepadu amalan pengeluaran tumbuhan dan haiwan yang mempunyai aplikasi khusus tapak yang Objektifnya untuk memenuhi keperluan makanan dan serat manusia serta meningkatkan kualiti alam sekitar dan pertanian bergantung kepadanya.

Ini juga bertujuan menggunakan sumber yang tidak boleh diperbaharui dan sumber pertanian paling efisien serta mengintegrasikan kitaran dan kawalan

biologi semula jadi, selain mengekalkan daya maju ekonomi operasi ladang dan meningkatkan kualiti kehidupan petani dan masyarakat sebagai keseluruhan.

Pertanian mampan boleh dilihat sebagai langkah baharu untuk mempercepatkan pengeluaran makanan tempatan akibat COVID-19.

Antara norma baharu yang kelihatan termasuk usaha pengkomposan atau menjadikan laman rumah di kawasan perumahan awam sebagai kebun bandar.

Namun, pertanian mampan perlu diwajibkan segenap lapisan masyarakat agar tidak menjadi agenda 'hangat-hangat tahu ayam'.

Keberkesanan pertanian mampan harus diperhatikan agar tidak berlaku masalah pembelian tempatan dengan rantaian bekalan makanan pendek.

Seriemangnya COVID-19 mengganggu sektor pertanian dan rantaian bekalan makanan, sekali gus menimbulkan kebangkitan berliku-kebuluran suatu hari nanti.

Justeru, pertanian mampan perlu dijadikan agenda dalam pembangunan ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Penulis ialah Pesyarah Kanan Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor



Oswald
Timothy
Edward

11/8/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Ikan Segar RM1 sekilogram

KUALA SELANGOR: Dalam membantu masyarakat setempat mendapatkan ikan pada harga murah, tiga sahabat muncul dengan menawarkan ikan pada harga murah iaitu RM1 bagi setiap kilogram (kg).

Selain menawarkan 'ikan rakyat', Norhamizan Nor-din bersama dua sahabatnya, Mohd. Zulakmal Jamaludin dan Mohammad Shahrul Nizam turut menjual pelbagai jenis ikan dengan kadar harga lebih murah berbanding di pasaran.

Norhamizan, 35, berkata, dia dan dua rakan kongsinya itu tidak hanya menawarkan harga murah tetapi juga mementingkan kepuasan pelanggan dengan hanya menjual ikan segar.

"Pada hari pelancaran kedai SNZ Ikan Segar, kita telah menawarkan ikan cencaru, selar dan kembong pada harga RM1. Alhamdulillah, kurang dari satu jam, kita menjual lebih 300 kg.

"Selain itu, kita juga menjual pelbagai ikan antaranya pelaling, sardin, mambong, bawal, merah dan tenggiri dengan harga murah kerana kita mengambilibil ikan terus dari jeti," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kedainya semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Zu-



PELBAGAI jenis ikan segar dijual pada harga RM1 sekilogram di SNZ Ikan Segar di Kuala Selangor.

lakmal berkata, mereka bertiga mula menjalankan perniagaan menjual ikan segar sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan Mac lalu.

"Saya dan Mohammad Shahrul sebelum ini memang berniaga ikan tetapi secara kecil-kecilan. Namun, selepas berbincang dan atas permintaan, kami membuat keputusan memajukan perniagaan dengan menjadi rakan kongsi.

"Sepanjang PKP, kami menerima banyak tempahan ter-

masuk membuat penghantaran terus ke rumah pelanggan. Kami telah membuat penghantaran di di Negeri Sembilan, Perak dan seluruh Selangor," katanya.

Dalam pada itu, Mohammad Shahrul berkata, pihaknya berca-dang untuk mengembangkan lagi perniagaan dengan menambah satu cawangan di setiap negeri.

"Buat masa ini, kami memfokuskan jualan ikan segar dan sayuran diambil terus daripada nelayan dan petani," katanya.

Gadis 15 tahun penggembala lembu

Remaja itu tidak kekuk membantu menguruskan sebanyak 40 ekor haiwan ternakan milik ayahnya

Oleh ADILA SHARUNNI WAHID

KOTA BHARU

Usia yang baru mencecah 15 tahun tidak menghalang seorang remaja bergelar penggembala lembu sado di Kampung Tebing Tinggi, Pengkalan Chepa di sini.

Pelajar Tingkatan Tiga itu, Nur Farisya Azhar berkata, sejumlah 40 lembu baka kacukan Charolais, Limousine, Belgian Blue, Bali, Brahman dan Kedah-Kelantan dalam jagaannya itu dianggap 'kekasih hati' dan sentiasa mendapat perhatian.

Lembu milik bapanya, Azhar Che Abdullah, 49, itu kini ditemak di sebuah ladang selu-



Nur Farisya menganggap lembu jagaannya sebagai rakan dan sentiasa memberi penjagaan rapi.

as empat hektar sejak dua tahun lalu.

Pelajar Sekolah Menengah Ugama Arab Tarbiah Mardhiah, Pancor berkata, dalam tempoh itu juga, dia turut memahami bunyi lembu yang meminta makanan apabila kelaparan.

"Saya akan terus ke ladang untuk menguruskan ternakan itu sebaik sahaja pulang dari

sekolah pada jam 2 petang.

"Kalau lembu ini nampak saya, mereka akan mengeluarkan bunyi 'boh', tanda hendak makan dan perlu segera memberikan rumput dan memastikan semua haiwan ini kenyang," katanya ketika ditemui di Ladang Selinap, Pengkalan Chepa di sini.

Nur Farisya turut berkongsi

cara menanam rumput jenis napier dan dia tidak kekuk menggunakan sabit untuk mencerut rumput sebanyak 45 kilogram (kg) sehari bagi memberi lembu-lembu tersebut makan.

"Lembu-lembu ini berbadan sado dan kuat makan.

"Berat mencecah antara setengah tan sehingga satu tan manakala nilainya bermula

RM11,000 hingga RM35,000 seekor.

"Saya juga semakin sayang dan sentiasa membelai lembu ini dan suka bersandar pada badan haiwan ini walaupun beza saiz kami 10 kali ganda," katanya yang pernah ditanduk ketika bermain-main dengan haiwan ternakan itu namun tidak mengalami kecederaan serius.

Tambah anak kedua daripada 12 beradik itu, dia tidak malu mengaku sebagai penggembala lembu malah rutin hariannya yang bergelut dengan najis haiwan itu sudah menjadi kebiasaan selain bercita-cita untuk memiliki ternakan sendiri satu hari nanti.

"Saya mula menternak pada usia 10 tahun ketika bapa memelihara 40 ekor kambing. Kini jumlah kambing mencecah 100 ekor. Ladang kami juga guna sistem integrasi yang turut mempunyai tanaman pokok kelapa yang menghasilkan nira.

"Kerja-kerja membersihkan najis ternakan pula dilakukan pada setiap hari, malah sudah biasa dengan baunya. Elok lagi bau najis lembu daripada terhidu najis manusia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	24



ISI buah tin jenis *Masud Dauphine*.



POKOK buah tin yang diusahakan Ahmad Shahrin Ismail di Sungai Sol, Kuantan, Pahang mendapat permintaan tinggi pelanggan.



Tiga sahabat buktikan tanaman buah tin lum...

Oleh MOHAMAD AZIM FITRI
ABD. AZIZ
gayautusan@mediamula.com.my

BERMULA dengan hanya menanam di kawasan rumah sebagai hobi mengisi masa lapang ia bertukar menjadi aktiviti ekonomi yang merajana pulangan lumayan apabila tanaman buah tin yang diusahakan secara komersial mula membuahkan hasil.

Bagi Ahmad Shahrin Ismail, 39, tanaman buah tin jenis *Masud Dauphine* (MD) yang diusahakan di kawasan tanah seluas 0.4 hektar di Sungai Soi, Kuantan, sejak setahun lalu sudah mendatangkan hasil dan mendapat permintaan menggalakkan daripada penduduk di daerah tersebut.

Ahmad Shahrin yang bekerja sebagai juruteknik sebuah syarikat minyak memberitahu, dia bermula secara suka-suka dengan menanam buah tin

di kawasan rumah sebelum mengusahakan secara komersial selepas mendapati tanaman itu mudah diuruskan selain mempunyai banyak khasiat.

Melihat ia satu peluang keemasan, dia bersama dua lagi rakanrya Rosdan Omar, 56, dan Zulkefli Ramli, 44, mula berkongsi modal sebelum mencari kawasan tanah bersesuaian.

"Selepas kami berbincang dan membuat kajian akhirnya kami putuskan untuk menanam buah tin jenis MD ini secara komersial.

"Kami kemudian jumpa lokasi yang sesuai di Sungai Soi dengan kadar sewaan RM1,200 sebulan dengan kontrak lima tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Bapa kepada empat anak itu memaklumkan, selepas setahun mengusahakan tanaman buah tin itu modal yang dikeluarkan mereka bertiga kira-kira RM200,000 meliputi kos mengupah pekerja, baja,



Semusim buah tin ini ialah enam bulan, dalam tempoh tiga bulan ia sudah boleh dipetik dan dijual."

peminaan struktur pelindung hujan (SPH) dan kos operasi.

Anak kelahiran Kuala Terengganu itu memberitahu kini dia boleh tersenyum apabila pulangan yang dijana hasil penjualan buah tin itu cukup memberangsangkan.

Berkongsi lebih lanjut Ahmad Shahrin berkata, lebih 600 pokok tin sudah ditanam dan berbuah dengan baik hingga kini.

Menurutnya, sepokok tanaman tersebut mampu menghasilkan antara 90 hingga



AHMAD Shahrin Ismail (tengah) menunjukkan pokok buah tin yang ditanamnya di Sungai Soi, Kuantan, Pahang.

projek ayan

120 buah dalam satu musim.

"Tempoh semusim buah tin enam bulan, dan dalam tempoh tiga bulan ia sudah boleh dipetik dan dijual.

"Kami turut menawarkan kepada pembeli untuk merasai pengalaman memetik sendiri buah tin di ladang.

"Kami pasarkan buah tin ini pada harga RM20 bagi setiap 250 gram dan turut dijual dalam kuantiti yang besar bergantung kepada permintaan," katanya yang berhasrat meluaskan lagi kawasan penanaman pada masa depan.

Menurut Ahmad Shahrin, penjagaan pokok buah tin tidaklah sukar seperti yang disangka. Tanaman tersebut mudah diturus dan lebih subur dalam keadaan cuaca panas dan kering.

Katanya, iklim Khatulistiwa amat sesuai dengan tanaman buah tin kerana ia panas sepanjang tahun dan tidak mempunyai musim sejuk seperti di negara Asia Barat.

Menurutnya, bagi memastikan pokok tin tumbuh subur, tanaman tersebut hendaklah dibaja setiap hari selain perlu ditanam pada jarak antara satu hingga lima meter.

"Kerja-kerja memangkas juga perlu dilakukan selepas habis satu musim bertujuan memastikan dahan yang baru tumbuh dan menghasilkan buah yang lebih baik," katanya.

Ahmad Shahrin berkata, segala usaha dan pelaburan dibuat bersama rakan kongsi tidak akan berjaya jika tidak dibantu pakerjanya Muhammad Qayyum Mohd. Shaimi, 24, yang berpengalaman dalam mengurus serta menanam pokok tin.

Katanya, dia tidak mengikuti mana-mana kursus daripada agensi kerajaan atau profesional sebaliknya banyak mempelajarinya daripada rakan-rakan yang telah menanam atau mempunyai ladang buah tin.

Ladang buah tin produk pelancongan tani

MELIHAT potensi buah tin jenis *Masui Dauphine* (MD) yang diusahakan, Ahmad Shahrin Ismail merancang membangunkan ladang miliknya sebagai pusat pelancongan berasaskan pertanian.

Katanya, perancangan ke arah itu sedang diatur supaya menjadi daya penarik untuk lebih ramai pelancong berkunjung ke situ.

"Kami bercadang membuka kafeteria yang akan digunakan sebagai platform mengeluarkan minuman berasaskan buah tin. Daun buah tin juga boleh dijadikan teh manakala buahnya dijadikan jus yang dikisar serta pati minuman.

"Banyak produk sampingan berasaskan buah ini yang boleh dihasilkan pada masa akan datang," katanya.

Malah, dia bercadang membina sebuah mercu tanda atau sudut swafoto di kawasan ladang bagi menarik lebih ramai kedatangan pelancong.

Ahmad Shahrin memberitahu, dia turut menggunakan kaedah tempahan secara dalam talian

serta menerusi panggilan telefon dan aplikasi *WhatsApp* untuk memasarkan buah tin.

Pada masa yang sama, pembeli boleh mengunjungi ladangnya pada setiap hari iaitu bermula pukul 8 pagi hingga 6 petang.

Melihat potensi tanaman buah tin yang boleh dikomersialkan secara meluas di negara ini, Ahmad Shahrin bercadang membangunkan kawasan benih semaian sendiri bagi memudahkan penjualan anak pokok pada masa akan datang.

"Buat masa ini benih sematan yang ada saya jual dalam skala kecil bermula pada harga RM50, insya-Allah akan diperluaskan jika ada kesempatan," katanya.

Dia turut merancang meluaskan tanaman buah tin pada masa akan datang sekiranya mempunyai modal yang kukuh serta mendapat peluang daripada agensi berkaitan.

Ahmad Shahrin turut mengesyorkan supaya petani yang mempunyai tanah masih belum diusahakan



Khasiat buah tin menyebabkan permintaan terhadap buah ini cukup tinggi khususnya di Kuantan.

KONSEP TANAMAN SECARA SPH (STRUKTUR PELINDUNG HILJAN)

- » Modal yang dikeluarkan hingga kini RM200,000.
- » Harga jualan RM20 bagi 250gram.
- » Sepokok tin boleh menghasilkan antara 90 hingga 120 buah.

berjinak-jinak dalam projek tanaman buah tin kerana penjagaannya yang mudah serta membawa keuntungan yang lumayan.

"Saya harap satu hari nanti Jabatan Pertanian membantu mereka yang ingin menceburkan diri bagi membolehkan projek penanaman buah tin dibuat secara besar-besaran dan negara menjadi pengeksport buah berkenaan," katanya.

INFO

- » Jenis ditanam *Masui Dauphine* (MD).
- » Berbuah dua kali setahun
- » Dalam tempoh tiga bulan sudah boleh dipetik.
- » Ditanam pada keluasan 0.4 hektar.

"Saya mewujudkan kumpulan *WhatsApp* yang terdiri daripada penanam buah tin, daripada situ kami bertukar maklumat dan bertanya mengenai cara menguruskan buah tin secara lebih sistematik dan tersusun," katanya.

Segala usaha dan penat lelah bersama rakan kongsi itu kini berjaya membuka mata banyak pihak. Ini termasuklah antaranya Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang sudi menawarkan bantuan diperlukan selain menjalin kerjasama strategik untuk memajukan tanaman yang diusahakannya.



MUHAMMAD Qayyum Mohd. Shaimi memetik buah tin yang sudah matang.